

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Katil ICU Putrajaya penuh

22,491 kes baru dicatat kelmarin

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Lima negeri merekodkan penggunaan katil hospital bagi pesakit kritikal atau unit rawatan rapi (ICU) melebihi 50 peratus, dengan Wilayah Persekutuan Putrajaya mencatatkan kapasiti 100 peratus.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata baki empat lagi ialah Kuala Lumpur dengan 67 peratus, diikuti Johor (59 peratus), Selangor (57 peratus) dan Kelantan (52 peratus).

Sehingga kelmarin juga, lapan negeri mencatatkan penggunaan katil bukan ICU melebihi 50 peratus membabitkan Selangor (80 peratus), Terengganu (75 peratus), Putrajaya (67 peratus), Melaka (62 peratus), Perak (57 peratus), Sarawak (56 peratus), Ne-



Lima negeri catat penggunaan katil ICU melebihi 50 peratus (Foto hiasan)

geri Sembilan (55 peratus) dan Perlis (52 peratus).

Dalam pada itu, terdapat 332 kes sedang dirawat di ICU dengan 189 memerlukan alat bantuan pernafasan.

Sementara itu, Dr Noor His-

ham mengesahkan 22,491 lagi kes baru direkodkan kelmarin menjadikan kumulatif jangkitan dalam negara 4,054,926 kes.

Jumlah itu kekal rendah berbanding 26,234 kes sembuh direkodkan kelmarin menjadikan

keseluruhan 3,771,463 individu sudah pulih daripada jangkitan berkenaan.

Mengulas jangkitan baharu, katanya paling tinggi dikesan lam kalangan pesakit kategori dua membabitkan 52.13 peratus atau 11,725 kes, diikuti kategori satu (10,601 kes), kategori tiga (71 kes), kategori lima (50) dan kategori empat (44 kes).

"Secara keseluruhannya, 99 daripada 165 pesakit dalam kategori tiga hingga lima itu membabitkan individu berusia 60 tahun, mempunyai komorbid (98 kes), sudah menerima dua dos vaksin (71 kes) dan sudah menerima dos penggalak (51 kes).

"Kes dikesan kelmarin turut membabitkan 43 kes individu yang tidak divaksin atau tidak lengkap vaksin serta dua kes ibu mengandung," katanya.

Sehingga kini juga, katanya kluster masih aktif kekal 273 memandangkan tiada kluster baharu dikesan kelmarin.

Ia menjadikan keseluruhan 6,918 kluster dikesan sehingga kini, dengan 6,645 daripadanya sudah tamat.

Utamakan pelaburan tamatkan penyakit tibi

Putrajaya: Keutamaan perlu diberikan terhadap pelaburan bagi pencegahan, kawalan dan rawatan jangkitan tibi terpendam, tibi aktif dan kerintangan terhadap antibiotik antitibi bagi memastikan Malaysia mencapai sasaran Strategi Pengakhiran Tibi Pertumbuhan Kesihatan Sedunia (WHO) iaitu menamatkan epidemik tibi menjelang 2035.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata sambutan Hari Tibi Sedunia 2022 bertemakan *Invest to End TB. Save lives* membawa maksud amat penting untuk ada pelaburan bagi memastikan pesakit mendapat akses kepada diagnosis dan rawatan tibi kerana ia menyelamatkan pesakit daripada mendapat komplikasi yang tidak diinginkan seperti kematian akibat penyakit itu.

Beliau berkata, WHO menganggarkan 9.9 juta kes tibi di seluruh dunia dengan jumlah kematian 1.5 juta pada 2020.

"Katanya, jumlah kes tibi yang dilaporkan di Malaysia pada 2021 adalah 21,727 kes (kadar insiden 63.5 setiap 100,000 penduduk), iaitu penurunan sebanyak 1,917 kes (8.1 peratus) berbanding 23,644 kes (kadar insiden 72.4 setiap 100,000 penduduk) pada 2020.

Khairy berkata, jumlah kematian tibi adalah 2,288, menurun sebanyak 32 kematian (1.4 peratus) pada 2021 berbanding tahun 2020 dengan kadar kematian 6.6 setiap 100,000 penduduk.

"Hari Tibi Sedunia disambut di seluruh dunia pada 24 Mac setiap tahun bagi memperingati sejarah penemuan bakteria *Mycobacterium tuberculosis* oleh Dr Robert Koch pada 24 Mac 1882.


"Tujuan sambutan ini dilakukan adalah untuk

meningkatkan kesedaran, komitmen serta sokongan terhadap usaha pencegahan dan kawalan penyakit Tibi yang dilakukan di seluruh negara," katanya dalam satu kenyataan media, semalam.

Khairy berkata, penyakit tibi adalah penyakit berjangkit yang disebabkan oleh bakteria *Mycobacterium tuberculosis* dan merebak melalui udara.

Beliau berkata, tanda penyakit tibi adalah batuk berpanjangan iaitu melebihi dua minggu, demam, berpeluh waktu malam, kurang selera makan, susut berat badan dan batuk berdarah.

Katanya, individu bergejala perlu menjalani pemeriksaan dan rawatan awal di klinik kesihatan dan hospital berhampiran.



Khairy Jamaluddin

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : COVID-19

Jangkitan naik balik

Jumlah kumulatif Covid-19 negara kini mencecah 4,054,926 kes

Oleh Amir Abd Hamid
amir_hamid@
mediaprima.com.my

Kuala Lumpur

Jangkitan kes baru Covid-19 terus mencatatkan peningkatan kepada 22,491 kes kelmarin berbanding 21,483 kes Selasa lalu. Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ia menjadikan 4,054,926 kes kumulatif di negara ini.

Beliau berkata, jumlah kes sembuh dicatatkan kelmarin adalah 26,234 kes menjadikan 3,771,463 kes kumulatif atau 93.0 peratus.

"Daripada jumlah kes baru semalam (kelmarin), sebanyak 382 adalah kes import iaitu 364 warganegara 95.3 peratus dan 18 bukan warganegara 4.7 peratus.

"Manakala penularan kes tempatan adalah sebanyak 22,109 kes yang membabitkan 21,243 warganegara atau 96.1 peratus dan 866 bukan warganegara 3.9 peratus," katanya, semalam.

Beliau berkata, kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) adalah 332 kes (141 kes disahkan Covid-19; 191 kes disyaki, kemungkinan dan kes dalam siasatan).

Menurutnya, kes memer-

lukan bantuan pernafasan: 189 kes (84 kes disahkan Covid-19; 105 kes disyaki, kemungkinan dan kes dalam siasatan).

"Daripada 22,491 kes harian yang dilaporkan pada semalam, perincian adalah kategori 1: 10,601 kes (47.14 peratus); kategori 2: 11,725 kes (52.13 peratus); kategori 3: 71 kes (0.31 peratus); kategori 4: 44 kes (0.20 peratus); dan kategori 5: 50 kes (0.22 peratus)," katanya.



97% kanak-kanak tidak alami kesan serius vaksin: NPRA

Putrajaya: Majoriti atau 97 peratus daripada 207 laporan kesan advers susulan imunisasi (AEFI) vaksin Covid-19 bagi golongan kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun yang diterima tidak membabitkan kesan serius, demikian menurut Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA).
Pengarah NPRA Dr Roshayati Mohamad Sani berkata, tujuh daripada 207 laporan AEFI yang diterima

sehingga 18 Mac itu adalah serius, dengan enam daripadanya memerlukan kemusuhan ke wad untuk rawatan serta pemantauan lanjut dan kesemuanya kini sudah didiscaj.

Satu lagi kes membabitkan laporan kes kematian di luar fasiliti kesihatan (BID) dan masih dalam siasatan lanjut dan hubung kait antara kes kematian dan vaksin belum ditentukan, katanya.

ISMAIL Sabri berhubung dengan Lee menerusi panggilan telefon.



Boleh rentas sempadan tanpa perlu kuarantin serta ujian Covid-19

Kuala Lumpur: Bermula 1 April ini, Malaysia dan Singapura akan membenarkan semua pengembara yang lengkap vaksinasi untuk merentas sempadan darat tanpa perlu menjalani kuarantin atau melaksanakan ujian Covid-19 termasuk ujian praplepasan dan semasa ketibaan.

Dalam kenyataan bersama semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaacob dan Perdana Menteri Singapura Lee Hsien Loong yang berhubung menerusi panggilan telefon berkata, ia adalah terpakai ke atas semua kategori pengembara dan jenis pengangkutan darat.

Kedua-dua Perdana Menteri mengakui bahawa Malaysia dan Singapura sudah menunjukkan perkembangan yang memberangsangkan khususnya dalam pelaksanaan program vaksinasi dan pengurusan pande-

mik Covid-19 bagi penduduk negara masing-masing.

Ismail Sabri berkata, Malaysia akan membuka sempadan kepada pengembara antarabangsa bermula 1 April ini seterusnya melakar satu lagi kejayaan penting dalam memudahcara perjalanan rentas sempadan dengan Singapura.

"Pengumuman hari ini (semalam) mencerminkan hubungan baik, kerjasama pelbagai aspek, dan hubungan kukuh antara rakyat kedua-dua negara.


"Ini pastinya akan menyumbang kepada usaha pemulihan dengan impak positif ke atas ekonomi dan kesejahteraan rakyat kedua-dua negara," katanya.

Sementara itu, Lee berkata, Singapura dan Malaysia menikmati hubungan yang mendalam, mesra dalam pelbagai aspek, serta hubungan antara rakyat yang kukuh.

Koronavirus ragut 65 nyawa kelmarin

Kuala Lumpur: Seramai 1,277,247 kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun atau 36 peratus daripada keseluruhan populasi kumpulan berkenaan di negara ini menerima dos pertama vaksin Covid-19 melalui Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PICKKids) setakat kelmarin.

Menurut laman web COVIDNOW, untuk tempoh sama seramai 2,846,114 remaja berusia 12 hingga 17 tahun atau 91.5 peratus daripada populasi kumpulan itu su-



dah melengkapkan vaksinasi, manakala 2,943,587 atau 94.6 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Bagi populasi dewasa pula, sejumlah 15,553,138 individu atau 66.1 peratus sudah menerima dos pengga-

lak Covid-19, 22,946,072 atau 97.5 peratus (lengkap vaksinasi) dan 23,222,133 atau 98.7 peratus (menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin).

Untuk vaksinasi harian, sebanyak 27,592 dos vaksin diberikan kelmarin meliputi 5,911 dos pertama, 1,373 (dos kedua) dan 20,308 (dos penggalak) menjadikan jumlah kumulatif dos vaksin diberikan di bawah Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick) sebanyak 68,577,331.

Sementara itu, menurut

portal GitHub Kementerian Kesihatan, 65 kes kematian akibat Covid-19 direkodkan kelmarin dengan Selangor tertinggi iaitu 12 kes, diikuti Perak (11), Johor (10), Melaka dan Pahang masing-masing melaporkan lima kes.

Selain itu, Kedah melaporkan empat kes, Negeri Sembilan, Sarawak, Sabah dan Kuala Lumpur masing-masing melaporkan tiga kes, Pulau Pinang (dua) manakala satu kes direkodkan masing-masing di Kelantan, Perlis, Terengganu dan Labuan.

Katil ICU pesakit Covid-19 di Putrajaya penuh 100%

gunaan katil bukan ICU, sehingga kelmarin terdapat lapan negeri mencatatkan penggunaan melebihi 50 peratus iaitu di Selangor sebanyak 80 peratus, Terengganu (75 peratus), Putrajaya (67 peratus), Melaka (62 peratus), Perak (57 peratus), Sarawak (56 peratus), Negeri Sembilan (55 peratus) dan Perlis (52 peratus).

"Tiada negeri mencatatkan penggunaan katil me-

lebih 50 peratus di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC).

"Sementara itu, pesakit Covid-19 yang memerlukan alat bantuan pernafasan (ventilator) menurun kepada 189 pesakit dengan peratusan penggunaan ventilator 21 peratus," katanya.

Beliau berkata demikian dalam satu kenyataan media semalam, mengenai penggunaan kapasiti katil di

hospital dan PKRC di seluruh negara semalam khusus bagi kes Covid-19.

Sementara itu, beliau berkata tiada kluster baharu Covid-19 yang dikesan kelmarin seraya menjadikan jumlah kluster masih aktif di negara ini kekal sebanyak 273 kluster.

Kali terakhir negara ini merekodkan tiada pertambahan kluster baru ialah pada 14 November lalu.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : NEGARA



SEBANYAK 93 peratus kes AEFI yang diterima adalah tidak serius.

460 kematian tiada kaitan vaksinasi

PUTRAJAYA – Kementerian Kesihatan (KKM) mendedahkan sebanyak 460 daripada 607 kematian penerima vaksin Covid-19 tidak mempunyai hubung kait secara langsung dengan vaksin yang diterima melalui Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK).

Pengarah Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA), Dr. Roshayati Mohamad Sani berkata, penyiataan dan penilaian dilakukan Jawatankuasa Khas Farmakovigilans Vaksin Covid-19 (JFK) mengesahkan perkara tersebut.

Sementara baki 147 laporan itu, menurut beliau masih dalam proses penyiataan sebelum dinilai JFK.

"Jumlah kematian itu adalah antara jumlah keseluruhan laporan Kesan Advers Susulan Imunisasi (AEFI) yang diterima melibatkan 1,794 laporan.

"Ia bersamaan kadar 26 laporan bagi setiap sejuta dos yang dikategorikan sebagai AEFI serius berdasarkan klasifikasi Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO)," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Menurut Roshayati, semua laporan serius AEFI diterima

sebelum ini memerlukan penyiataan lengkap dan penilaian terperinci sebelum hubung kait kesan dilaporkan dan vaksin diterima dapat ditentukan.

"Ia berdasarkan WHO yang merujuk kepada kesan yang menyebabkan kemasukan ke dalam wad, atau pemanjangan tempoh di wad, membahayakan nyawa, menyebabkan kehilangan upaya yang signifikan atau memerlukan intervensi untuk mencegah kerosakan kekal tubuh, menyebabkan kecacatan semasa lahir atau disyaki menyebabkan kematian.

"Jumlah AEFI serius adalah sebahagian hasil penilaian ke atas laporan diterima yang menunjukkan 93 peratus atau 24,039 daripada AEFI dilaporkan adalah bagi kes-kes tidak serius," katanya.

Ujar beliau lagi, kesan advers paling kerap dilaporkan penerima vaksin adalah mengalami demam, sakit pada tempat suntikan, sakit kepala, sakit otot dan keletihan.

"Semua kesan ini biasanya akan pulih dalam masa satu hingga dua hari," tambah Roshayati.

Hanya dua pintu sempadan Malaysia-Thailand dibuka

KUALA LUMPUR – Hanya dua pintu sempadan darat antara Malaysia dan Thailand akan dibuka mulai 1 April ini iaitu di Bukit Kayu Hitam-Sadao serta Wang Kelian-Wang Prachan.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, ketika ini, kerajaan Thailand hanya sedia untuk menerima pengembara pelancongan sahaja.

"Bagi pengembara harian dan kerap, perbincangan masih di-

jalankan antara Malaysia dan Thailand.

"Buat masa ini, protokol am pengembara umum terpakai ke atas pengembara dari Thailand," katanya pada sidang akhbar di Parlimen semalam.

Dalam pada itu, Khairy Jamaluddin turut memaklumkan KKM telah mewajibkan setiap pengembara untuk memuat turun serta mengaktifkan aplikasi MySejahtera.


Ujarnya, ia termasuk dalam protokol yang telah disediakan oleh KKM bagi menjadikan Malaysia destinasi selamat serta mengelakkan kesesakan di pintu masuk antarabangsa.

"Sebelum berlepas, pengembara perlu memuat turun, mendaftar dan mengaktifkan aplikasi MySejahtera serta melengkapkan deklarasi perjalanan termasuk maklumat vaksinasi yang boleh diakses melalui ikonTravel-

ler dalam MySejahtera.

"Pengembara juga perlu melaporkan dan memuat naik keputusan Ujian RT-PCR yang telah dilakukan dua hari sebelum berlepas," katanya.

Selain itu, Khairy Jamaluddin menambah, pengembara yang belum menerima suntikan vaksinasi yang lengkap diarahkan untuk menjalani Perintah Pengawasan dan Pemerhatian selama lima hari.



KHAIRY JAMALUDDIN

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 18
RUANGAN : NEGARA

JKNS keluar RM261,650 kompaun merokok

SEREMBAN - Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan (JKNS) telah mengeluarkan kompaun sebanyak RM261,650 dalam 462 operasi bersepadu larangan merokok di tempat awam yang dilaksanakan bermula Januari 2021 hingga Isnin.

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam), Dr Mohammad Faid Abd Rashid berkata, sebanyak 892 Notis Memerintahkan Kehadiran Ke Mahkamah (Seksyen 32B) yang boleh dikompaun telah dikeluarkan di atas pelbagai kesalahan yang melanggar Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004.

"Ia melibatkan pemeriksaan 10,110 premis telah diperiksa yang mana pada tahun lalu sebanyak 346 operasi dengan pemeriksaan 7,957 premis.

"Bagi tempoh 1 Januari 2022 sehingga 21 Mac 2022, sebanyak 116 operasi bersepadu dilaksanakan melibatkan pemeriksaan 2,153 premis," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar Operasi Larangan Merokok di Negeri Sembilan di sini pada Rabu.

Berkenaan operasi yang dijalankan pada Rabu dari jam 2 petang hingga 11 malam, sebanyak 90 premis telah diperiksa dan sebanyak 66 Notis Memerintahkan Kehadiran Ke Mahkamah (Seksyen 32B) telah dikeluarkan.

Ujarnya, dari jumlah itu, 30 notis atas kesalahan merokok di premis makanan dikeluarkan di bawah Peraturan 11(1)(d) dengan nilai kompaun RM7,500.

"Sebanyak lima notis atas kesalahan kegagalan tuan punya atau penghuni premis memastikan tiada seorang pun merokok di dalam premis dikeluarkan di bawah Peraturan 12(1)(b) yang bernilai kompaun RM1,250.

"Selain itu, 31 lain-lain kesalahan yang bernilai kompaun RM7,750 telah dikeluarkan," katanya.



Mohammad Faid (dua dari kanan) melihat kompaun dikeluarkan kepada seorang pelanggan yang didapati merokok di sebuah restoran

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 24

RUANGAN : SINAR NEGERI

Program Insentif Rawatan
Tibi yang menelan
belanja RM624,800
berjaya memberi manfaat
kepada 781 individu
pada tahun lalu

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR

SHAH ALAM

Selangor mencatatkan sebanyak 4,307 kes jangkitan penyakit batuk kering (tibi) tahun lalu.

Exco Kesihatan Awam, Perpaduan serta Pembangunan Wanita dan Keluarga Selangor, Dr Siti Mariah Mahmud berkata, daripada jumlah itu, sebanyak 597 kes kematian dicatatkan pada tahun sebelumnya dengan jumlah individu terhenti rawatan sebanyak 598 kes.

Katanya, kerajaan negeri Selangor akan terus membantu menangani dan mengawal jangkitan penyakit tibi di negeri ini dengan memperkenalkan Program Insentif


Rawatan Tibi iaitu pemberian bantuan kewangan RM800 kepada individu yang telah dijangkiti penyakit tersebut pada tahun 2020.

"Pemberian insentif ini bertujuan menggalakkan pesakit untuk menyempurnakan rawatan di samping



SITI MARIAH

Selangor catat 4,307 kes tibi



Tibi adalah sejenis penyakit berjangkit disebabkan oleh bakteria *Mycobacterium tuberculosis* (MTB) yang lazimnya menyerang paru-paru.

membantu menampung kos perjalanan pesakit tibi yang berulang-alik ke hospital atau klinik untuk mendapatkan rawatan," katanya dalam kenyataan pada Khamis.

Tibi adalah sejenis penyakit berjangkit disebabkan oleh bakteria *Mycobacterium tuberculosis* (MTB) yang lazimnya menyerang paru-paru.

Menurut Siti Mariah, Program Insentif Rawatan Tibi yang menelan belanja sebanyak RM624,800 telah berjaya memberi manfaat kepada 781 individu pada tahun lalu.

"Tahun ini, melalui Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam Negeri Selangor akan meneruskan Program

Insentif Rawatan Tibi yang bakal memberikan manfaat kepada 1,000 rakyat di negeri ini," katanya.

Tambah Siti Mariah, kerajaan Selangor terus mempergiatkan usaha menyampaikan maklumat mengenai Program Insentif Rawatan melalui program promosi yang pelbagai melalui platform digital dan menerusi aktiviti dilaksanakan oleh Sukarelawan Kesihatan Komuniti Selangor (SUKA).

Maklumat lanjut berkenaan Program Rawatan Insentif Tibi boleh didapati menerusi laman sesawang <https://www.selangorprihatin.com/insentifrawatantibi>.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 27

RUANGAN : SINAR NEGERI

Perokok di Negeri Sembilan kena kompaun RM200,000

SEREMBAN – Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan (JKNNS) telah mengeluarkan kompaun bernilai RM261,650 dalam 462 operasi larangan merokok di tempat awam bermula Januari 2021 hingga Mac 2022.

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam), Dr. Mohammad Faid Abd. Rashid berkata, sebanyak 892 Notis Memerintahkan Kehadiran Ke Mahkamah yang boleh dikompaun bernilai RM261,650 telah dikeluarkan di atas pelbagai kesalahan.

“Operasi telah memeriksa 7,957 premis pada tahun 2021.

“Dari Januari hingga Mac 2022 pula, sebanyak 116 operasi telah dilaksanakan melibatkan 2,153 premis,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar Operasi Larangan Merokok di Negeri Sembilan di Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan di sini kelmarin.

Tambahnya, dalam operasi kelmarin, sebanyak 66 Notis Memerintahkan Kehadiran Ke Mahkamah (Seksyen 32B) telah dikeluarkan melalui pemeriksaan ke atas 90 premis.



MOHAMMAD FARID (tengah) memerhatikan pegawainya mengeluarkan kompaun kepada perokok di salah sebuah restoran di Seremban kelmarin.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : DALAM NEGERI

460 daripada 607 kematian tiada kaitan vaksin Covid-19

PUTRAJAYA: Kementerian Kesihatan mendedahkan, sebanyak 460 daripada 607 kematian penerima vaksin Covid-19 tidak mempunyai hubung kait secara langsung dengan vaksin yang diterima melalui Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK).

Pengarah Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA), Dr. Roshayati Mohamad Sani berkata, keputusan itu susulan selesai penyiasatan dan penilaian oleh Jawatankuasa Khas Farma-

kovigilans Vaksin Covid-19 (JFK) manakala bakinya, 147 laporan masih dalam proses penyiasatan sebelum dinilai JFK.

Katanya, kematian itu adalah antara jumlah keseluruhan laporan Kesan Advers Susulan Imunisasi (AEFI) yang diterima melibatkan 1,794 laporan bersamaan kadar 26 laporan bagi setiap sejuta dos yang dikategorikan sebagai AEFI serius berdasarkan klasifikasi Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

“Semua laporan yang AEFI serius yang diterima ini memerlukan penyiasatan lengkap dan penilaian terperinci sebelum hubung kait kesan yang dilaporkan dan vaksin yang diterima dapat ditentukan berdasarkan WHO merujuk kepada kesan yang menyebabkan kemasukan ke dalam wad.

“Atau pemanjangan tempoh di wad, membahayakan nyawa, menyebabkan kehilangan upaya yang signifikan atau memerlukan intervensi untuk mencegah ke-

rosakan kekal tubuh, menyebabkan kecacatan semasa lahir, atau disyaki menyebabkan kematian.

“Jumlah AEFI serius adalah sebahagian hasil penilaian ke atas laporan diterima yang menunjukkan 93 peratus atau 24,039 daripada AEFI dilaporkan adalah bagi kes-kes tidak serius yang mana kesan advers paling kerap dilaporkan penerima vaksin adalah mengalami demam, sakit pada tempat suntikan, sakit kepala, sakit otot dan keletihan.

Semua kesan ini biasanya akan pulih dalam masa satu hingga dua hari,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Roshayati berkata, secara keseluruhannya, Sistem Pelaporan AEFI NPRA menerima sejumlah 25,833 laporan AEFI vaksin Covid-19 yang perlu dinilai, termasuk 1,448 laporan melibatkan penerima dos penggalak dan 207 laporan bagi penerima vaksin kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
 MUKA SURAT : 2
 RUANGAN : NEWS/STORY OF THE DAY

MALAYSIA-SINGAPORE LAND BORDER

'NO QUARANTINE, TESTS FOR VAXXED TRAVELLERS'

Decision will aid economic recovery efforts, benefit people in both countries, says PM

NURADZIMMAH DAIM
 AND DHESEGAN BALAKRISHNAN
 KUALA LUMPUR
 news@nst.com.my

FROM April 1, fully vaccinated travellers can commute between Malaysia and Singapore by land without Covid-19 testing or quarantining.

Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob and his Singaporean counterpart, Lee Hsien Loong, announced this in a joint statement yesterday after a telephone conversation.

"The prime ministers recognise the good progress that both countries have made in vaccinating their respective populations and managing the Covid-19 pandemic, and noted the progress made in resuming cross-border travel through the Vaccinated Travel Lanes (by air and land).

"As Singapore and Malaysia transition to living with Covid-19, both prime ministers have agreed that it is timely to further reopen the land border.

"From April 1, 2022, for travel across the land border between Singapore and Malaysia, both countries will allow fully vaccinated travellers to enter without the need to undergo quarantine or testing, including pre-departure and on-arrival tests.

"This will apply to all categories of travellers and modes of transport via the land border," read the statement.

Ismail Sabri said the decision would contribute to economic recovery efforts and benefit the economies and livelihoods of people in both countries.

"As Malaysia reopens our borders to international travellers starting April 1, 2022, we will achieve another significant milestone in facilitating cross-border travel with our immediate neighbour, Singapore.

"This announcement reflects the long-standing relations and multifaceted cooperation as well as strong people-to-people ties between the two countries."

Lee hailed the land border re-



A bus carrying passengers travelling under the Vaccinated Travel Lane crossing the Causeway in Johor in December last year. FILE PIC

opening as a significant milestone in both countries' transition to coexisting with Covid-19.

"It reflects the strong collaboration both sides have enjoyed throughout the pandemic and it will help both countries emerge stronger from this crisis."

On Wednesday, Health Minister Khairy Jamaluddin and Singapore Health Minister Ong Ye Kung agreed that travel between the two countries should resume as the Covid-19 situation in both nations had stabilised.

At a press conference yesterday, Khairy said a protocol was being developed to ensure the safety of travellers and prevent overcrowding at entry points.

"Foreign travellers are required to fulfil various prerequisites before entering Malaysia, including downloading and activating the MySejahtera app and undergoing a RT-PCR Covid-19 test two days prior to departure.

"If travellers show no symptoms of Covid-19 through the thermal scanner at the airport, they can immediately proceed to Immigration counters. All Covid-19 screening facilities at Kuala Lumpur International Airport and Klia2 will be closed from April 1."

He said travellers could undergo professional RTK tests at two private healthcare facilities at the airport or at centres outside the airport within 24 hours of arrival.

He said failure to do so would cause their MySejahtera status to turn red and they would not be able to enter business premises and they faced deportation.

He said travellers were required to have Covid-19 insurance before entering the country and would be sent to private healthcare facilities if they test positive.

Children aged 6 and under were not required to undergo Covid-19 tests, he said.

He was previously reported as saying the ministry would shorten entry processing time from about one hour to 35 to 45 minutes.

On reports that some European Union countries were not recognising the Sinovac Covid-19 vaccine, Khairy said Putrajaya would seek clarification from the EU delegation to Malaysia.

"Sinovac vaccine recipients are allowed to enter many countries.

"They are allowed in the United Kingdom, the United States and Australia, no problem."

He said the public could request from Health Ministry facilities additional doses of vaccine from brands approved by EU countries for travel purposes.

Khairy said MySejahtera would soon be listed as one of the apps accepted by EU countries as proof of vaccination.

On Wednesday, *Utusan Malaysia* reported that Sinovac was not on the list of approved vaccines for foreign travellers entering some European countries.

Sinovac vaccine recipients may be considered unvaccinated and may need to quarantine upon arrival in those countries.

Page 1 pic: An aerial view of a fully illuminated Causeway from Johor leading to Singapore.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NATION/NEWS

TOP SPOT

HALF OF NEW CASES FROM SELANGOR

Of the 22,491 new Covid-19 cases logged on Wednesday, state accounts for 10,240

NURADZIMMAH DAIM
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

SELANGOR continued to log the highest number of daily new Covid-19 cases, recording 10,240 fresh infections on Wednesday.

Data on the Health Ministry's CovidNow portal showed that the country logged 22,491 new Covid-19 cases on Wednesday, with almost half from Selangor.

After Selangor, Kuala Lumpur came second with 1,991 cases, followed by Penang (1,299), Sarawak (1,252), Kedah (1,240), Johor (1,031) and Negri Sembilan (1,116).

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said of the new cases, 11,725 were in Category 2 (52.1 per cent), 10,601 in Category 1 (47.14 per cent), 71 in Category 3 (0.31 per cent), 44 in Category 4 (0.20 per cent) and 50 in Category 5 (0.22 per cent).

This brought the cumulative total of Covid-19 cases in Malaysia to 4,054,926, he said.

"Of the new cases, 22,109 are local transmissions, involving



Commuters wearing face masks and practising physical distancing in Kuala Lumpur yesterday. PIC BY AMIRUL JOHARI

21,243 Malaysians and 866 foreigners, while 382 cases are imported, involving 364 Malaysians and 18 foreigners.

"Of the 165 cases in Category 3, 4 and 5 reported on March 23, 43 cases or 26.06 per cent are unvaccinated or partially vaccinated, 71 cases or 43.03 per cent have

received two doses of Covid-19 vaccine but not a booster dose, 51 cases or 30.91 per cent have received booster doses, 99 cases or 60 per cent are aged 60 and above, 98 cases or 59.39 per cent have comorbidities and two cases or 1.21 per cent are pregnant."

Dr Noor Hisham said 141 of the

332 Covid-19 cases being treated in intensive care units were confirmed cases and 191 were suspected, possible or under investigation for Covid-19.

Of the 248,863 active Covid-19 cases in the country, more than a quarter were in Selangor, totalling 77,444 cases.

A total of 241,114 patients (96.9 per cent of active cases) were on home quarantine, 1,366 (0.5 per cent) were at quarantine and treatment centres and 6,051 (2.4 per cent) were hospitalised.

The Klang Valley saw 539 hospital admissions on Wednesday. The region's hospital bed utilisation rate was at 59.1 per cent.

Selangor recorded the highest number of hospitalisations at 375, with the bed utilisation rate at 69.6 per cent.

Kuala Lumpur and Putrajaya saw 137 and 27 new admissions, respectively.

They were followed by Johor with 232 admissions, Perak (148), Sarawak (141), Kedah (104), Penang (104), Sabah (103), Negri Sembilan (101), Kelantan (93), Pahang (71), Terengganu (57), Melaka (45) and Perlis (27).

Wednesday saw 65 new fatalities, bringing Malaysia's Covid-19 death toll to 34,600.

The ministry said 15 deaths were brought-in-dead (B.I.D.) cases, bringing the B.I.D. tally to 7,284.

Dr Noor Hisham said no new Covid-19 clusters were detected on Wednesday and the number of active clusters remained at 273.

He said the national Covid-19 infectivity rate (Rt) stood at 0.90, with Selangor recording the highest Rt at 1.03, while other states were below 1.0.

Sarawak and Perak were both at 0.99, Kuala Lumpur was at 0.96 and Melaka was at 0.95. Sabah had the lowest Rt at 0.64.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NATION

JOHOR BARU: Only travellers who have completed their Covid-19 vaccination are allowed to cross the land border between Malaysia and Singapore, says Health Minister Khairy Jamaluddin.

"Travellers using the land border do not have to undergo quarantine, do not have to do pre-departure Covid-19 testing and do not have to do on-arrival testing either.

"The land checkpoints at the Causeway and Second Link will be operational again 24 hours a day," he said in a press conference at Parliament.

"Travellers who have completed their vaccination and were using the air border between Malaysia and Singapore, are required to do a pre-departure RTK test two days before departing.

"They too are not required to undergo quarantine or do any on-arrival testing for Covid-19," he said.

Only fully vaxxed can cross land border

Khairy added that both governments would leave it to the respective airline companies to increase the number of flights based on commercial needs as there were no more Vaccinated Travel Lane restrictions.

Meanwhile, Singapore health minister Ong Ye Kung, at an event in Selangor, said he had a good discussion with Khairy on working towards the full resumption of air and land travel between both countries for vaccinated persons.

He said the agencies of both sides would work out the operational details soon.

"As the Covid-19 situation in Malaysia and Singapore continues to improve, we can look forward to the resumption of more activities in the future and this must also include restoring the air and land connections between both countries.

"Our economies and societies are so closely intertwined.

"The people-to-people connections between Malaysia and Singapore have been incredibly numerous and close; almost every family in Singapore will have relatives living in Malaysia.

"The Singapore-Kuala Lumpur aviation sector is the busiest in the world, as the Woodlands Causeway is for land border crossings," Ong said during his keynote address at the National Institutes of Health Malaysia.

He highlighted that Malaysia and Singapore had been working hand in hand throughout the Covid-19 crisis.

"When the land border traffic was disrupted due to the Covid-19 virus, Singapore authorities sprang into

action by housing the tens of thousands of Johoreans working in Singapore, since they could no longer commute on a daily basis across the causeways.

"We ensured essential supplies and critical components continued to flow both ways.

"Khairy and I also remain constantly in touch, to update each other on the situation in our countries and our respective responses and I have learnt much from my exchanges with him," he said, adding that Malaysia had done very well with its vaccination roll-out and preparing the country for the endemic phase.

In a statement posted on his Facebook page, Johor Menteri Besar Datuk Onn Hafiz Ghazi welcomed the announcement made by both Malaysia and Singapore.

He said the decision by the

Malaysia and Singapore governments to lift border restrictions would bring a positive impact to the economy and the people's lives.

"The state government welcomes the decision and thanks Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob and his counterpart Lee Hsien Loong for announcing this piece of good news for the Bangsa Johor people and Malaysians as a whole," he said.

Onn Hafiz said he would ensure all preparations were in place for the border reopening, including taking into consideration possible traffic congestion.

"I hope to meet with the Singapore leadership in the near future to discuss the Johor-Singapore development direction too," he said.



Millions may lose fully vaccinated status
See page 6

Zero tolerance for rule-breakers

Khairy: Breach quarantine and you'll be thrown out

KUALA LUMPUR: International travellers coming here will be deported if they breach their Covid-19 home surveillance order (HSO) if placed under quarantine, says Khairy Jamaluddin.

This, he said, was among the travel protocols to be imposed on international travellers if they test positive after coming into the country once the border fully reopens on April 1.

"Their MySejahtera app will show red if they test positive for Covid-19 when doing the mandatory professionally-administered RTK test within 24 hours of arrival and they will be required to undergo quarantine.

"It will be an offence if they breach the HSO. We will send them out of the country," the Health Minister told a press conference in Parliament here yesterday.

Watch the video
TheStarTV.com



Under the travel protocol, he said international travellers would have to download the MySejahtera app prior to departure.

They will also be required to upload the RT-PCR test done two days prior to departure. They will then have to do the RTK test upon arrival.

Travellers who had contracted the virus in the last 60 days would have to notify the ministry of the infection via the app.

Khairy said international travellers must also obtain travel and Covid-19 insurance and provide a fixed address of residence in the country.

"Fully vaccinated travellers will

be issued a Traveller's Card on their app, while those not fully vaccinated will be given an HSO order," he said, adding that those who test positive would be given an HSO if they showed no serious symptoms.

"If they develop serious symptoms, they will be referred to hospital for treatment, which will be covered by their insurance," Khairy elaborated.

He noted that children aged six and below were not required to undergo Covid-19 tests during pre-departure or upon arrival.

On land borders, he said discussions were still underway with Thailand, Brunei and Indonesia to finalise the details.

He said Malaysia and Thailand had only agreed to allow travel via the Bukit Kayu Hitam-Sadao and Wang Kelian-Wang Prachan borders in Kedah and Perlis.

Procedure For Travellers Entering Malaysia From April 1

Before Departure	Upon Arrival
<p>1 Download MySejahtera app</p> <p>2 Complete the pre-departure form via the 'Traveller' icon on MySejahtera</p> <p>> Fully Vaccinated: Digital Traveller's Card will be issued > Partially Vaccinated / Unvaccinated: Digital Home Surveillance Order (HSO) will be issued</p> <p>3 Undergo a PCR test 2 days before departure for travellers 7 years and above > Travellers with previous Covid-19 infection (6-60 days before departure) are required to undergo a professional RTK-Ag test 2 days before departure</p> <p>4 Purchase a travel and Covid-19 insurance (for non-Malaysian citizens)</p>	<p>1 Undergo a professional RTK-Ag test within 24 hours of arrival</p> <p>2 Undergo a mandatory 5 days quarantine for partially/unvaccinated travellers</p> <p>RTK-Ag test: > The professional RTK-Ag test can be done at any health facility of your choice > Covid-19 breathalyser OR professional RTK-Ag tests, on arrival are also available at the airport > Cost of on-arrival professional RTK-Ag test will be borne by travellers > Children aged 6 years old and below are exempted from the on-arrival test > Those who do not undergo the professional RTK-Ag test within 24 hours will have MySejahtera status turned to red and will not be able to enter premises</p>

"The Thai government is only ready to receive tourists," he added. These regulations, however, will not apply for the land border

between Malaysia and Singapore as normal travel will be allowed between the two countries for the fully vaccinated after April 1.

AKHBAR : THE STAR
 MUKA SURAT : 6
 RUANGAN : NATION

Millions may lose fully vaxxed status

Khairy warns of restrictions ahead for those who have yet to get boosted

By MARTIN CARVALHO and JOSEPH KAOS Jr
 newsdesk@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: Some two million recipients of the Covid-19 vaccine by Sinovac are set to lose their fully vaccinated status if they do not receive their boosters by April 1, says Khairy Jamaluddin (pic).

"Based on the latest data, about 2.09 million recipients of the Sinovac vaccine for their primary series have yet to get their booster shots.

"They will stand to lose their fully

vaccinated status when the deadline ends," the Health Minister told a press conference in Parliament here yesterday. The deadline for adult primary recipients of CoronaVac – the vaccine produced by China's Sinovac Biotech – is March 31, after it was extended from Feb 28.

Khairy also said that those who had yet to get their Sinovac booster would be deemed "not fully vaccinated" by Singapore.



"Based on my discussion with the Singapore Health Minister, he said the country would also consider those Sinovac recipients who are not boosted as not fully vaccinated.

"So, if you want to enjoy a Singapore holiday, you know what to do. It is best to get your booster shot," he added.

When asked if Malaysia will follow Singapore in removing the mask mandate when outdoors, Khairy said the wearing of face

masks would remain mandatory here. However, he noted that current standard operating procedure (SOP) did allow for certain exemptions.

"Our mask mandate will still remain. But maybe some are not really clear that our SOP states that it is not mandatory in certain situations," he said.

The minister cited several exceptions, among them when an individual is not around another, is at home with family, in a hotel room or a personal workspace.

"You are also allowed to remove

your mask in your own vehicle. Other situations when masks are allowed to be removed include during sports and recreational activities, stage performances and dining.

"Those with disabilities, such as cerebral palsy or autism, and those with breathing difficulties are also exempted from wearing masks," said Khairy.

Yesterday, Singapore announced the easing of Covid-19 restrictions, among which is that masks are not compulsory outdoors. They, however, remain mandatory indoors.

Check vax requirements before travel, says Health DG

By LIEW JIA XIAN
 jiaxian@thestar.com.my

GEORGE TOWN: Travellers should check the vaccine requirements of their intended destinations before they plan their trips abroad, says Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

The Health director-general advised travellers to comply with all the rules and regulations of these other countries.

"Please check the vaccine requirements and certificates accepted by the countries. We have to comply with all their rules and regulations," he said when contacted yesterday.

This came after two brothers were not permitted to enter Germany despite being fully vaccinated with CoronaVac (the Covid-19 vaccine by Sinovac) and having received Comirnaty (by Pfizer-BioNTech) booster shots. The brothers and their parents were supposed to have a family trip to observe Ramadan with their younger brother who is studying in Dusseldorf.

When the brothers returned to the Kuala Lumpur International Airport (KLIA) on Tuesday, they said they were thankful to be home after spending 15 hours on two different flights. One brother, who wanted to be known only as Fariq, 30, said they felt that something was not right when they arrived in Germany.

He said the family had arrived on March 19 to visit their youngest brother who is pursuing a master's

"Comply with rules and regulations."

Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah

degree at a university there.

Despite adhering to all strict screening protocols set by the travel agencies and Turkish Airlines, they were barred from entering Germany, with their Sinovac vaccination given as a reason. Fariq said he hoped that the story of their bitter experience would be a lesson to travellers to check if the vaccines they had received were acceptable in the countries they planned to visit.


Germany currently offers only five vaccines to its citizens – the ones made by Pfizer-BioNTech, AstraZeneca, Moderna, Johnson & Johnson, and Novavax.

In February, European Union (EU) countries agreed to open their borders to travellers who have had shots against Covid-19 authorised by the World Health Organisation, easing restrictions on those who received Indian and Chinese vaccines. Prior to this, the EU had only authorised vaccines produced by Pfizer-BioNTech, AstraZeneca, Moderna, Johnson & Johnson, and Novavax.

COUNTRIES THAT WILL NOT ACCEPT SINOVAC'S COVID-19 VACCINE

If you had the vaccine by Sinovac, called CoronaVac, check before you fly because some countries will not recognise your vaccination certificate. These are the currently known countries, as of March 24. There may be other countries not listed here. Consult your travel agent and the authorities on the latest rules.

1. Germany
2. Japan
3. France (Sinovac accepted as long as your third dose within a stipulated time is from Moderna or Pfizer)
4. Luxembourg
5. Italy
6. India
7. Romania
8. Poland
9. Czechia
10. Belarus



Source: World Health Organisation

The Star graphics

Homeless slow in getting booster shots

GEORGE TOWN: Response to booster shots among the homeless on Penang island has been slow, says state welfare committee chairman Phee Boon Poh.

"We have been holding short awareness campaigns by informing them of the walk-in booster vaccine centres but to no avail," he said.

Health Ministry has set March 31 as the deadline for senior citizens who are primary recipients of the Sinovac vaccine to get their booster shots.

Phee said the state had prepared mobile units to administer primary vaccine jabs to beggars and street vagabonds.

"We are trying to get as many as possible to get their booster shots. However, unlike the homeless who are housed at centres, it is not easy to get the homeless out on the streets to get their booster shots," he said, adding that the state Health Department's medical officers had gone to the ground to talk to and convince the homeless, especially the elderly, to get their booster shots.

Phee said there were about 300 homeless people in the heart of George Town currently, adding that there was no initiative to pick up homeless people from the streets using mobile units or vehicles.